

TALKING POINT

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR**

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 13 JANUARI 2010

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan  
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang Hao.

## **TALKING POINT**

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis senamrobik pada pagi ini.
- Setelah dua minggu di tahun baru 2010, pelbagai perkara yang kita rencanakan telahpun berjaya kita laksanakan. Seperti yang anda sedia maklum, antara program besar yang terdekat adalah Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia Ke-7 (FFVPM7).
- FFVPM7 ini merupakan mandat besar yang diamanahkan kepada kita dan ianya menjadi kayu pengukur untuk kita menilai kemampuan kita sebagai universiti muda yang berteraskan kejuruteraan untuk menganjurkan satu festival yang tiada kaitan secara langsung dengan kita.
- Tapi saya positif dengan kemampuan dan semangat kerjasama antara kita akan membawaikan kejayaan. Pasti anda hairan melihat saya begitu optimis terhadap penganjuran festival ini. Hal ini kerana hanya kita satu-satunya universiti yang melibatkan tenaga kerja keseluruhan (dari peringkat tertinggi hingga ke bawah) dan bukan hanya tertumpu kepada sesebuah

fakulti seperti universiti- universiti yang lebih senior. Oleh itu, saya berharap agar semua warga UniMAP akan turun padang dan memberi sokongan 100% terhadap festival ini.

Ladies and gentlemen,

Today's food for thought:

**"If all you ever do is all you've ever done, then all you'll ever get is all you've ever got."**

In life there is no limit. It's unpredictable, thrilling and sometimes, amazing. And to live fully, you've got to seize opportunity, roll with the punches, be a little daring, and above all, keep your head in the game!

To succeed, you've got to have focus—the ability to see the big picture, the courage to dig in and persevere.

Always aim high. Don't settle for what you know you can accomplish. Challenge yourself to pursue the impossible, and you'll go further than you could ever imagine.

So, don't let anyone else take the measure of your worth and capabilities. Always stand proud of who you are!

- Saya pasti ramai diantara kita mempunyai azam dan tekad untuk menempuh tahun 2010 ini. Azam dan tekad ini bertujuan untuk kita mengukur pencapaian serta kemampuan diri setiap tahun dan ini juga merupakan KPI yang kita sendiri rencanakan.
- Mungkin ramai yang sudah membaca warkah saya melalui Dari Meja Naib Canselor bagi bulan Januari 2010 yang menekankan perkara mengenai “Jari”. Anggota badan ini sebenarnya memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan kita seharian.
- Oleh itu janganjadikan jari sebagai anggota yang suka menunding ke arah orang lain sedangkan sebenarnya 3 jari lagi sedang menunding ke arah diri kita sendiri. Sekiranya berlaku sesuatu kesalahan atau krisis dalam pekerjaan atau aktiviti kita seharian, sebelum kita menuding atau mencari kesalahan orang lain adalah lebih baik kita semak dan kaji kesilapan diri kita sendiri. Tiada masalah yang tidak ada penyelesaiannya dan tiada salahnya mengakui kesalahan sendiri.
- Sebagai Naib Canselor, saya lebih menghargai sekiranya mempunyai kakitangan yang berani mengakui kesalahan sendiri kerana dari situlah saya tahu betapa jujur bertanggungjawabnya seseorang itu, kerana melalui hati yang jujurlah semua perbuatan atau pekerjaan akan dilakukan dengan ikhlas.

Sekian,

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....